

Buru gemilang di laman sendiri

Atlit bertaraf Olimpik taruhan Masum



MEMBURU kegemilangan di laman sendiri menjadi aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi dan Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (Masum) untuk menganjurkan Sukan Universiti Asean ke-14 (AUG 2008) pada Disember depan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin sewaktu Majlis Pelancaran AUG 2008 turut menyatakan bahawa kejayaan atlit dan kecemerlangan penganjuran acara itu menjadi aspirasi kerajaan.

"Sejajar dengan itu adalah menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk segala agensi kerajaan menggembelng tenaga untuk merealisasikan hasrat terbahit," katanya pada majlis berkeajaan pada Jun lalu.

Bagi memastikan penganjuran terbaik, kementerian mengambil langkah untuk menggerakkan seluruh komponen terutama Institusi Pengajian Awam (IPTA), Institusi Pengajian Swasta (IPST), Politeknik dan Kolej Komuniti.

Selain itu, semua agensi sukan negara seperti Majlis Sukan Negara turut sama membantu termasuk penyediaan Kompleks Sukan di Bukit Jalil sebagai gelanggang, selain kemudahan sukan yang sudah dan sedang dibangunkan di IPTA yang terpilih.

Sebanyak 22 acara bakal dipertandingkan termasuk bola sepak, olahraga, badminton, memanah dan seni mempertahankan diri membabitkan lebih 5,000 atlit serta pegawai.

Sejak kejohanan ini dimulakan pada 1981, ini adalah kali ketiga Malaysia dipilih oleh Majlis Sukan Universiti Asean (AUSC) selaku tuan rumah selepas kejayaan menganjurkannya pada 1984 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) 1993.

Kejohanan dwi tahunan ini dianjurkan bagi membuktikan komitmen AUSC dalam menyemai semangat persahabatan melalui pembabitkan negara Asean yang direalisasikan oleh mahasiswa serta generasi muda negara anggota.

AUSC juga membuka ruang dan peluang untuk warga pengajian tinggi Asean untuk saling bersaing, me-



BERKENALAN: Khaled diperkenalkan kepada maskot kejohanan 'A1' pada majlis pelancaran, baru-baru ini.

nunjukkan jatidiri dan saling berinteraksi dalam suasana yang sihat dan cergas serta membuktikan universiti menjadi medan terbaik mengembangkan potensi atlit.

Malaysia yang tidak pernah ketinggalan menyertai kejohanan ini, kali ini mempertaruhkan sejumlah atlit berkualiti termasuk pemain yang sudah pun mencipta nama di dalam negara atau pentas antarabangsa menerusi kategori masing-masing.

Selepas penampilan mem-



Shukur

berangsangkan pada Olimpik 2008 di Beijing, Ogos lalu, atlit seperti Muhammad Marbawi Sulaiman, Wan Khalmizan Wan Abd Aziz, Cheng Chu Sian, ratu taekwondo - Elaine Teo serta Che Chew Chan, yang juga bergelar mahasiswa, akan kembali ke gelanggang dalam kejohanan ini.

Mengiktiraf kejohanan berprestij ini, kerajaan bersetuju untuk menjadikan penganjuran ini sebagai acara rasmi negara bagi kejohanan yang dijadual berlangsung antara 11 hingga

21 Disember ini.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia, Profesor Datuk Dr Abdul Shukur Husin merangkap Pengerusi Jawatankuasa Promosi dan Publisiti AUG 2008, berkata kejohanan ini bakal dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Stadium Nasional Bukit Jalil, pada 13 Disember.

"Acara penutup pula akan diadakan pada 21 Disember oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak," katanya.

